

Saya amat teruja apabila mendapat tahu bahawa Majlis Peguam Malaysia akan menganjurkan "Advocacy Training Course" (ATC), di Kompleks Mahkamah Melaka pada 3-4 Disember, 2011. Ini adalah kerana saya tidak pernah mendapat sebarang pendidikan atau pendedahan secara formal untuk mengendalikan Perbicaraan kes di Mahkamah terbuka sebelum ini. Walaubagaimanapun, apa yang merunsingkan saya adalah bayaran yang dikenakan untuk menjalani kursus ATC tersebut adalah sebanyak RM500.00. Sebagai seorang ketua keluarga, jumlah tersebut adalah agak besar bagi saya untuk kursus yang dianjurkan selama dua hari tanpa penginapan serta program tersebut diadakan pada hujung minggu yang mana biasanya saya akan membawa isteri dan anak saya bersiar-siar. Saya juga telah melayari laman sesawang Majlis Peguam untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang program ATC ini dirangkaian berikut:-

http://www.malaysianbar.org.my/professional_standards_and_development/advocacy_training_course_an_excellent_start_22_and_23_jan_2011.html

Setelah berkira-kira, saya mengeluarkan wang simpanan saya didalam bank dan mula mendaftar untuk kursus ATC tersebut memandangkan saya berpendapat bahawa saya perlu melaburkan wang tersebut untuk kemajuan diri saya sendiri dalam profesyen ini. Sesudah mendaftar, saya berasa amat pelik apabila dihubungi untuk mengambil fail ATC di Pejabat Jawatankuasa Peguam Negeri Melaka. Pada kebiasaannya , kita hanya akan mendapat fail kursus pada hari kita mendaftar tetapi untuk program ATC ini, kita akan dibekalkan dengan fail beserta dengan material terlebih dahulu. Didalam fail tersebut, saya telah diletakkan didalam kumpulan 1 yang rata-ratanya peguam yang agak berpengalaman. Setelah membaca isi kandungan fail tersebut, barulah saya dapat tahu bahawa program ATC ini akan menggunakan **Hampel Method**. Saya tertanya-tanya apakah Hampel Method itu? Pencarian saya tentang perkataan Hampel Method juga tidak berjaya memahamkan saya tentang kaedah tersebut. Mungkin apabila program ini berakhir, saya akan memahami lebih lanjut tentang kaedah Hampel Method ini.

Hari pertama, setelah memperkenalkan diri masing-masing dan diberi penerangan tentang keseluruhan program ATC tersebut oleh Encik Brendan Navin Siva (Pengerusi, Professional Standards and Development Committee dari Majlis Peguam , kami terus bergerak ke dalam kumpulan ke Mahkamah yang ditetapkan. Kami amat bertuah kerana kumpulan kami dibimbing oleh Yang Arif Hakim Dato' Mary Lim dari Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Encik Krishna Dallumah dari Negeri Sembilan dan juga Puan Karen Cheah dari Melaka. Kesemua peserta telah diberi peranan samada sebagai Peguam Plaintiff, Peguam Defendant dan pada masa yang sama kami juga perlu menjadi saksi bagi kes yang dibicarakan tersebut. Kami telah dibimbing bagaimana untuk menyoal saksi dengan cara yang betul dan bagaimana untuk mengawal saksi belot (hostile witness). Saya juga meminta jasa baik pembimbing kami untuk menunjukkan contoh bagaimana untuk mengawal saksi belot ini. Ternyata, Encik Krishna Dallumah dan Yang Arif Dato' Mary Lim telah menunjukkan kepada kami tentang cara menyoal saksi dengan betul dan berkesan. Ternyata lakonan Yang Arif Dato' Mary Lim sebagai saksi belot amat berjaya dimana beliau telah menjadi seorang yang amat tidak bekerjasama ketika disoal balas. Dengan pengalaman beliau, Encik Krishna Dallumah telah berjaya mengawal saksi belot tersebut. Sesudah itu, kami juga perlu membuat hujahan penggulungan bagi kes yang telah diberi. Apa yang menarik adalah setiap aksi kami telah direkodkan dan kami juga diberi peluang untuk menonton rakaman tersebut pada hari yang sama

dan pada masa yang sama, kami dibimbing secara peribadi oleh pembimbing-pembimbing kami. Ternyata banyak ilmu yang saya telah pelajari pada hari pertama tersebut yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata.

Hari kedua, adalah hari yang agak mencabar bagi kami. Ini adalah kerana kami diberi peluang sekali lagi untuk menyoal saksi dengan peranan yang berlainan dari hari pertama. Apa yang agak menarik, didalam kumpulan saya, kesemua saksi kebanyakannya cuba untuk menguji rakan masing-masing apabila mereka berlakon untuk menjadi saksi belot. Sesuatu yang agak mencabar apabila jawapan yang kita mahukan daripada saksi diberi dengan jawapan yang lain. Ternyata pembimbing-pembimbing kami telah menunjukkan cara yang betul untuk menyoal saksi. Selepas itu, kami sekali lagi perlu menyoal saksi dengan cara yang betul. Sesudah itu, kami sekali lagi melihat rakaman video kami dan ditegur oleh pembimbing kami secara peribadi. Didalam program ATC ini, kami juga dikehendaki untuk membuat mitigasi bagi masalah-masalah yang telah ditetapkan. Ternyata masalah tersebut agak rumit dan kami perlu menggunakan fakta-fakta dan hujahan-hujahan yang beras basas bagi meyakinkan Hakim untuk menjatuhkan hukuman yang seringan-ringannya untuk kes yang diberikan. Apa yang menarik yang sepanjang dari pengalaman saya membuat mitigasi, saya tidak pernah disoal oleh Majistret atau Hakim tentang kesalahan ataupun fakta kes, tetapi pada kali ini, kami disoal secara bertalu-talu oleh Hakim (pembimbing) dengan pelbagai soalan dan kami perlu menjawab dengan tepat bagi meyakinkan mereka agar pesalah tersebut dijatuhkan dengan seringan-ringan hukuman.

Secara peribadi, saya tidak merasa rugi dengan wang yang telah dibelanjakan sebanyak RM500.00 tersebut untuk menyertai program ATC ini malah amat beruntung kerana dapat menyertai program ATC ini kerana banyak ilmu yang boleh diperolehi dan dimanfaatkan. Pembimbing-pembimbing juga tidak marah-marah dan merendah-rendahkan kita sebaliknya mereka memberi nasihat dan panduan yang betul untuk menyelesaikan masalah. Apa yang penting, sebagai seorang peguam, kita perlu bekerja kuat dan membuat persiapan awal sebelum membuat sebarang pernyataan tuntutan atau sebarang pembelaan. Setelah menyertai program ini, saya juga mengalu-alukan agar setiap peguam mendaftar dan mengalami pengalaman menarik saya. Bagi para majikan, cara terbaik untuk melatih peguam anda adalah dengan menghantar mereka ke program ATC ini kerana mereka akan dibekalkan dengan ilmu yang tidak ternilai harganya. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Jawatankuasa Peguam Negeri Melaka kerana telah memberi subsidi kepada Peguam-peguam Negeri Melaka yang menyertai program ini serta pembimbing-pembimbing yang mengorbankan cuti hujung minggu mereka untuk membimbing dan melatih kami. Tidak dilupakan juga pegawai-pegawai Mahkamah Melaka yang sama-sama membantu menjayakan program ini. Saya juga berharap agar program ini dapat diperluaskan kepada pelajar-pelajar universiti dan juga pelatih dalam kamar agar mereka dapat merasai pengalaman manis ini. Sekian, terima kasih.

Mohd Fadil Bin Mohd Yusof.
Pengerusi, Peguam Muda dan Pelatih Dalam Kamar,
Jawatankuasa Peguam Negeri Melaka.